

25 DEC 1998

Mahathir-syukur

DR MAHATHIR AJAK UMAT ISLAM BERSYUKUR DAN TERUS USAHA DEMI MASA DEPAN

LANGKAWI, 25 Dis (Bernama) -- Masyarakat Islam di negara ini perlu bersyukur kerana dapat beribadat dengan aman ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi dan negara-negara Islam lain menghadapi pelbagai tekanan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mereka perlu membuktikan kesyukuran itu dengan meningkatkan usaha dan menggunakan akal fikiran kurniaan Allah tanpa menyerahkan segalanya kepada takdir.

"Rakyat negara ini sepatutnya bersyukur dengan keadaan aman di negara ini yang membolehkan mereka menjalankan ibadat yang dituntut tanpa perlu merasa tertekan atau ditindas disebabkan sesuatu keadaan," katanya ketika berucap pada jamuan berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Al Tasnim, Kampung Bayas, dekat sini, malam ini.

"Dalam keadaan gawat sekarang, orang Islam di Malaysia boleh menunaikan haji melebihi kuota yang diberi oleh (kerajaan) Arab Saudi sedangkan negara jiran kita, Indonesia yang mendapat kuota 200,000, hanya 60,000 sahaja yang dapat pergi kerana keadaan gawat," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta rakyat terutama umat Islam Malaysia supaya terus berusaha menimba pelbagai ilmu berkaitan teknologi, komputer dan peralatan yang diperlukan untuk pertahanan kerana ia merupakan satu kewajipan.

"Umat Islam sebenarnya mempunyai kebolehan berbanding bangsa lain tetapi mereka tidak memberi tumpuan kepada usaha menimba pelbagai ilmu terutama yang berkaitan dengan pertahanan yang akhirnya menyebabkan mereka terpaksa bergantung kepada orang lain," katanya.

Dr Mahathir berkata apa yang terjadi kepada kebanyakan umat Islam sekarang berpunca daripada kelalaian mereka, yang sering menyalahkan takdir tanpa mahu berusaha membaiki kehidupan dan masa depan mereka.

Mereka sebenarnya boleh mengubah takdir tanpa menyalahkan Allah semata-mata kerana telah dikurniakan akal fikiran untuk berusaha membaiki sesuatu keadaan, katanya.

"Jika mereka mahu berusaha, mereka tidak perlu meminta-minta dengan bangsa lain dalam apa jua perkara.

"Ini tidak, umat Islam terpaksa beli senapang, roket dan kapal terbang kerana tak dapat membuatnya sendiri kerana tidak mengambil berat ingatan mengenai kewajipan mempertahankan diri. Apa yang terjadi ialah umat Islam terus ditindas dan ditekan akibat kelalaian sejak dari awal," kata beliau.

Dr Mahathir berkata banyak perkara yang telah dibuat oleh kerajaan bagi membolehkan rakyat dan umat Islam di negara ini hidup dalam keadaan aman dan tenang jika semua pihak mahu berusaha membaiki nasib dan masa depan negara.

"Semua jadi begitu kerana usaha yang dibuat oleh kita iaitu dengan berusaha dan mengubah nasib kepada satu peringkat yang lebih baik tanpa bercanggah dengan takdir Allah.

"Jika kita soal diri kita secara ikhlas, sebenarnya kita bersalah dengan apa yang terjadi di sekeliling kita kerana tidak berusaha setelah Allah beri akal kepada kita dengan kebolehan tertentu supaya dapat hidup dengan bahagia," kata beliau.

Perdana Menteri berkata Malaysia boleh menjadi kuasa besar dan membantu umat Islam di seluruh dunia pada masa akan datang jika masyarakat Islam negara ini berusaha menguasai ilmu.

"Mungkin satu hari nanti, bukan tahun depan atau 10 tahun akan datang, tetapi perkara itu boleh dibuktikan jika kita bersyukur dengan nikmat yang

diperolehi sekarang...jika kita berusaha kita boleh menjadi satu kuasa yang dapat membantu umat Islam di negara lain seperti yang telah kita buat sebelum ini dengan membantu rakyat Islam di Bosnia," kata beliau.

Dr Mahathir berkata pada masa ini ramai umat Islam tertekan dan tertindas kerana kelemahan sendiri berikutan tiada usaha untuk menguasai ilmu.

Menurutnya Nabi Muhammad sendiri telah memberi ingatan kepada umat Islam mengenai perkara itu kerana tidak mungkin Allah menjadikan umat Islam sebagai bahan ditindas atau dibunuh oleh musuh Islam jika bukan kerana kelalaian mereka sendiri.

Sehubungan itu, beliau mahu kandungan khutbah di masjid menyelitkan mengenai perkara itu sebagai renungan dan mengajak umat Islam membaiki kehidupan mereka demi masa depan bersama.

Turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid dan isteri Puan Sri Nila Inangda Manyam Keumala.

-- BERNAMA

NH NAK